



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

MAKLUM BALAS MEDIA

ISU PEMBEKUAN PERMOHONAN PERMIT PINDAHAN PADI KE LUAR NEGERI

PUTRAJAYA, 24 JUN 2023 –Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengeluarkan arahan berkenaan pembekuan permohonan permit pindahan padi ke luar negeri berkuatkuasa 20 Jun 2023.

Arahan ini hanya melibatkan permohonan permit pindahan padi oleh Pelesen Membeli Padi. Manakala petani masih boleh menjual hasil padi mereka di mana-mana kilang termasuk kilang di negeri lain.

Keputusan KPKM telah mengambilkira kepentingan dan hak petani. Petani hanya perlu memohon permit pindahan padi daripada Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Negeri berkenaan sekiranya ingin menjual padi ke kilang luar negeri.

Langkah ini merupakan satu langkah intervensi KPKM yang bersifat sementara untuk terus memastikan bekalan beras adalah sentiasa stabil di dalam pasaran negara. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan Pelesen Membeli Padi untuk menjual padi di luar negeri, mereka boleh membuat permohonan di Pejabat KPB Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras. Permohonan ini akan diteliti dan dipertimbangkan oleh KPKM secara *case by case basis*.

KPKM juga akan mengadakan sesi libat urus bersama pihak-pihak yang berkepentingan bagi memperjelaskan isu-isu yang berbangkit untuk memastikan bekalan beras tempatan sentiasa stabil di pasaran dengan harga yang dikawal sebagai pilihan beras yang murah kepada pengguna.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

24 JUN 2023